

SENTRAL

Kos besarkan anak masih rendah

Kerajaan banyak bantu untuk ringankan beban ibu bapa

■ FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU - Kos membesar anak di Terengganu masih rendah dan tidak terlalu membebani kerana kerajaan banyak membantu terutama melibatkan keperluan pendidikan anak-anak negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhamad Pehimi Yusof berkata, kos sebenar membesar anak adalah bergantung kepada keupayaan ibu bapa.

Menurutnya, kerajaan banyak membantu bagi mengurangkan beban rakyat dan bayi yang lahir di negeri ini akan diberi sumbangan RM100 melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sebagai tabungan untuk mereka.



Pehimi memalu gong sebagai simbolik perasmian Seminar Mengenai Hak dan Isu-isu Wanita dan Kanak-kanak Zon Timur Tahun 2015.

"Semasa kanak-kanak di tarsa, Yayasan Pembangunan Keluarga beri diskaun lebih 50

peratus bagi keluarga miskin.

"Kita kenakan bayaran RM250 untuk anak belajar di

situ tetapi kita dapat ada keluarga tak mampu di Ibok, Air Putih (Kemaman) dan Fikri

(Setiu)," katanya.

Kata beliau, minggu lepas pihaknya memutuskan untuk kenakan RM50 sebulan dan itu antara bantuan serta kelonggaran kerajaan negeri berikan keluarga berkenaan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Seminar Mengenai Hak dan Isu-isu Wanita dan Kanak-kanak Zon Timur Tahun 2015 di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisa), di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Mohd Shafaruddin Mustaffa dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Unisa, Profesor Dr Mohd Ekhwan Toriman.

Muhamad Pehimi turut memaklumkan, apabila anak masuk ke darjah satu, kerajaan

persekutuan memberi RM200 seorang dan kerajaan negeri memberi bantuan RM200 kepada setiap pelajar dengan jumlah maksimum dua orang bagi satu keluarga.

Tambahnya, apabila tamat sekolah rendah, anak Terengganu yang dapat sambung pelajaran di sekolah berasrama penuh serta Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) akan dapat RM500.

"Bagi pelajar tingkatan enam, kita beri RM1,000 untuk mereka beli buku dan kelengkapan tambahan. Sebab itu saya kata, kos besarkan anak di sini tidak terlalu tinggi."

"Kerajaan negeri utamakan pendidikan anak negeri dan kerana itu banyak bantuan diberi. Malah sekiranya mereka gagal dapat pinjaman PTPTN, Yayasan Terengganu akan beri pinjaman," katanya.